

ADECURE SYRUP 5MG/ML

Methadone Hydrochloride (5mg/ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Adecure Syrup
2. Bagaimana Adecure Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Adecure Syrup
4. Cara menggunakan Adecure Syrup
5. Semasa menggunakan Adecure Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Adecure Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Adecure Syrup

Methadone Hydrochloride adalah kandungan aktif Adecure Syrup 5mg/ml.

Ia diindikasikan untuk rawatan detoksifikasi atau rawatan pengekalan penagihan narkotik.

Bagaimana Adecure Syrup berfungsi

Ia adalah sejenis μ opioid agonis yang bertindak serupa dengan morfin yang melibatkan sistem saraf pusat dan organ-organ yang mengandungi otot licin.

Sebelum menggunakan Adecure Syrup

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda hipersensitif terhadap Methadone atau bahan-bahan kandungan yang lain.
- Jika anda mempunyai depresi respiratori (pernafasan yang sangat perlahan, cetek), penyakit halangan saluran udara (penyakit paru-paru atau mana-mana penyakit yang menyebabkan kesukaran bernafas).
- Anda mempunyai kolitis ulseratif (radang gangguan usus).

- Jika anda ada penyakit hati yang teruk.
- Jika anda sedang mengambil, atau telah mengambil dalam dua minggu yang lepas, ubat-ubatan kemurungan yang dikenali sebagai *monoamine oxidase inhibitors* (MAOI).
- Jika anda ada serangan asma akut, alkoholisme akut (mabuk disebabkan penggunaan minuman keras yang berlebihan), risiko ileus kelumpuhan (sembelit atau halangan usus yang serius) atau peningkatan tekanan intrakranial (peningkatan tekanan di sekitar otak) atau kecederaan kepala.

- Sebelum menggunakan Adecure Syrup

- Anda mesti beritahu doktor anda jika:
- Anda alah terhadap mana-mana ubat-ubatan yang diambil sebelum ini untuk merawat keadaan sekarang.
 - Anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusukan.
 - Anda mempunyai asma dan/atau masalah pernafasan.
 - Anda mempunyai kecederaan kepala dan peningkatan tekanan intrakranial.
 - Anda mempunyai masalah kebimbangan.
 - Anda perlu memandu atau mengendalikan jentera.
 - Anda mempunyai penyakit perut akut.
 - Anda bergantung kepada ubat lain.
 - Anda mempunyai penyakit tekanan darah rendah.
 - Anda adalah pesakit tua atau lemah.
 - Anda ada masalah buah pinggang atau hati.
 - Anda mempunyai masalah kelejar tiroid atau kelenjar pituitari.
 - Anda mempunyai masalah prostat.
 - Anda mempunyai *urethral stricture* (penyempitan saluran kencing).

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sentiasa beritahu doktor dan ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil mana-mana ubat berikut:-

- Pengambilan Adecure Syrup bersama *benzodiazepine* (ubat yang diguna sebagai sedatif atau untuk merawat kebimbangan) boleh menekan sistem saraf pusat anda. Beritahu doktor anda sekiranya anda sedang mengambil ubat *benzodiazepine*. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda atau orang lain yang mengambil ubat ini mengalami gejala pening luar biasa, mengantuk melampau, perlahan atau kesukaran bernafas atau tiada tindak balas.
- Depresan-depresan sistem saraf pusat yang lain seperti *narcotic analgesics*, *phenothiazines*, penenang lain, *sedative-hypnotics*, *tricyclic antidepressants* atau alkohol.
- *Pentozacine*, ubat digunakan untuk merawat kesakitan jenis sederhana hingga serius, termasuk sebelum pembedahan dan anaesthesia.
- *Rifampicin*, ubat yang digunakan untuk merawat jangkitan.
- *Monoamine Oxidase Inhibitors*
- *Naloxone*, ubat-ubatan yang digunakan untuk menterbalikkan kesan-kesan dadah yang digunakan semasa pembedahan atau untuk merawat kesakitan
- *Naltrexone*, ubat untuk merawat ketagihan dadah narkotik atau alkohol.
- *Antiviral*, ubat untuk merawat jangkitan virus
- *Narcotic antagonist*, digunakan untuk menyeimbangkan kesan-kesan narkotik (terutamanya untuk mengatasi kemurungan pernafasan).

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil mana-mana ubat, termasuk tonik herba,

pelengkap tambahan dan ubat yang dibeli tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Ade cure Syrup

Ade cure Syrup 5mg/ml hendaklah diberikan setiap hari di bawah pengawasan rapi.

- Berapa banyak harus digunakan

Untuk rawatan detoksifikasi:

Dos permulaan ialah 15 hingga 20mg setiap hari

Dos ini boleh diselaraskan oleh doktor bergantung kepada keadaan anda.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti dos yang betul untuk anda. Mereka akan beritahu anda dengan tepat berapa banyak untuk mengambil.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau menukar dos tanpa arahan daripada doktor anda.

Doktor anda mungkin akan mengurangkan jumlah yang anda mengambil secara beransur-ansur sebelum berhenti sepenuhnya untuk mengurangkan kesan sampingan selepas berhenti yang mungkin berlaku.

- Jika terlupa menggunakan

- Sekiranya anda terlupa satu dos, ambil dos itu sebaik sahaja anda teringat.
- Tetapi, sekiranya telah hampir masa untuk dos berikutnya, abaikan dos yang terlepas.
- Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang dilupa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau ketidakselesaan.

Semasa menggunakan Ade cure Syrup

- Perkara yang perlu dilakukan

- Hubungi doktor sekiranya gejala-gejala anda menjadi lebih teruk atau tidak bertambah baik.
- Jika anda menjadi hamil semasa mengambil Ade cure Syrup, sila beritahu doktor anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri Ade cure Syrup kepada orang lain walaupun mereka mempunyai gejala atau keadaan seperti anda. Doktor anda telah mempreskrib Ade cure Syrup untuk anda dan keadaan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- **Sindrom Serotonin:** Ade cure Syrup mungkin menyebabkan keadaan yang jarang tetapi mengancam nyawa apabila diambil bersama dengan ubat serotonergic. Jika anda mengalami beberapa atau semua simptom berikut: keliruan, keresahan, berpeluh, bergetar, menggigil, halusinasi, sentakan secara tiba-tiba dalam otot atau denyutan jantung yang cepat, anda perlu mendapatkan rawatan perubatan dengan segera.
- **Kekurangan adrenal:** Penggunaan Ade cure Syrup untuk jangka panjang mungkin menyebabkan kekurangan adrenal, satu keadaan yang mengancam nyawa, dengan

simptom dan tanda yang tidak khusus seperti loya, muntah, kekurangan selera makan, letih, lemah, pening dan tekanan darah rendah. Anda perlu mendapatkan rawatan perubatan sekiranya anda mengalami simptom-simptom di atas.

- **Kemandulan:** Penggunaan Ade cure Syrup untuk jangka panjang mungkin mengurangkan kesuburan. Kesan terhadap kesuburan sama ada boleh diterbalikkan adalah tidak diketahui.
- **Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan jentera** sehingga anda tahu bagaimana Ade cure Syrup mempengaruhi anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubat lain, Ade cure Syrup mempunyai kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Kesan-kesan sampingan berikut mungkin akan terjadi dengan ubat ini:

- **Paling biasa:** kepeningan, sedasi, loya, muntah dan berpeluh.
- **Sistem saraf pusat:** euforia (rasa sangat gembira), disforia (rasa sedih), kelemahan, sakit kepala, insomnia (tidak boleh tidur), agitasi (rasa marah), disorientasi, gangguan penglihatan, tekanan intrakranial meningkat.
- **Gastrointestinal** (perut dan usus): mulut kering, anoreksia (hilang selera makan), sembelit, kekejangan saluran biliari.
- **Kardiovaskular:** muka merah, bradikardia (kadar jantung perlahan), palpitasi (degupan jantung yang tidak teratur, kerap atau pantas), rasa pengan, syncope (pengan), hipotensi (tekanan darah rendah).
- **Genito-urinary:** pengekalan atau saluran kencing ragu-ragu, kesan antidiuretik (kurang pengeluaran air kencing), pengurangan libido (nafsu seks) dan/atau potensi.
- **saluran kencing ragu-ragu,** kesan antidiuretik (kurang pengeluaran air kencing), pengurangan libido (nafsu seks) dan/atau potensi.

- Alahan: gatal, urtikaria (ruam), ruam kulit lain, edema (bengkak), dan jarangnyanya pendarahan urtikaria (letusan kulit yang berciri pendarahan pada gelang).

KESAN BAHAYA UTAMA METHADONE ADALAH DEPRESI RESPIRATORI, KEGAGALAN PEREDARAN DARAH, KEJUTAN PERNAFASAN DAN SERANGAN JANTUNG.

Sekiranya mana-mana kesan sampingan bertambah serius, atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai keraguan atau memerlukan maklumat selanjutnya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my (*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Adezure Syrup

- Penyimpanan

Jangan guna selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada bungkusan. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Adezure Syrup perlu disimpan dalam bekas tertutup di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya, kepanasan dan kelembapan.

Jauhi dari kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak seharusnya dilupuskan melalui sisa air atau sisa isi rumah. Tanya ahli

farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Sirap ini adalah cecair berwarna merah.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif – *Methadone Hydrochloride*
- Bahan-bahan tidak aktif - Bahan-bahan kandungan lain termasuklah *Sodium Citrate, Citric Acid Hydrous, Sodium Benzoate, Sucrose Suspension Grade, Ponceau 4R* dan *Propylene Glycol*

- Nombor MAL

MAL09100270AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Malaysian Pharmaceutical Industries Sdn Bhd.
Plot 14, Lebuhraya Kampung Jawa,
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

28/09/2020

Nombor Siri:

NPRA(R2/1)200910/517